

09/11/2003

Syarikat pegangan pelaburan IPTA bergolak?

Munshi

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan beliau tidak akan mengganggu pentadbiran negara selepas berundur dari kerajaan, lapor akhbar. Beliau penuh yakin terhadap kepemimpinan penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

MUNSHI: Sebenarnya Munshi bukannya hendak mengulas ikrar Dr Mahathir itu, tetapi dalam rangka tugas seharian ini, Munshi baru-baru ini menerima sepucuk surat daripada seorang penduduk.

Dia merungut seorang bekas Naib Canselor (NC) sebuah universiti awam di negara ini masih mahu menunjukkan pengaruh dan kuasanya melampaui kuasa Naib Canselor yang baru dilantik.

"Kami warga Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ini amat sedih dengan keadaan sekarang apabila Pengarah Holdings Bhd yang sudah tamat kontraknya disambung pada saat akhir kerana campur tangan bekas NC. Ini mengganggu kelicinan dan ketelusan tugas NC baru....:

Sepatutnya tindakan Dr Mahathir itu menjadi teladan dan ikutan paling baik oleh semua kalangan yang jujur, ikhlas dan telus di negara kita.